
BURSA SECURITIES MALAYSIA BERHAD**NOTA AMALAN 14****PRINSIP PENGAGREGATAN BAGI TRANSAKSI**

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa: 1 Januari 2003	Perenggan 10.12
Tarikh semakan: 3 Ogos 2009	

1.0 Pengenalan

- 1.1 Menurut perenggan 10.12 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, Bursa boleh mengagregat transaksi berasingan dan menganggap transaksi itu seolah-olah satu transaksi dalam keadaan tertentu ("**Kaedah Pengagregatan**").
- 1.2 Nota Amalan ini memperuntukkan mengenai pertimbangan yang diambil kira oleh Bursa apabila menggunakan Kaedah Pengagregatan.

2.0 Prinsip Pengagregatan

- 2.1 Bursa secara umumnya mempertimbangkan prinsip yang berikut apabila menggunakan Kaedah Pengagregatan:
- (a) sesuatu transaksi diagregatkan dengan suatu transaksi terdahulu bagi maksud menentukan obligasi yang terpakai berkenaan dengan transaksi yang terkini kecuali dalam hal keadaan yang berikut:
- (i) transaksi yang telah diumumkan lebih awal menurut Bab 10 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, tidak diagregatkan dengan transaksi terkini apabila menentukan sama ada pengumuman adalah dikehendaki; dan
 - (ii) transaksi yang telah diluluskan oleh pemegang syer atau yang tertakluk kepada pengagregatan dengan transaksi yang telah diluluskan oleh pemegang syer menurut Bab 10 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, tidak diagregatkan dengan transaksi terkini apabila menentukan sama ada mana-mana obligasi terpakai; dan
- (b) sekiranya pengagregatan transaksi menyebabkan kelulusan pemegang syer dikehendaki di bawah Bab 10 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, kelulusan itu hanya dikehendaki bagi transaksi yang terkini sahaja. Transaksi terdahulu hanya dikehendaki dizahirkan dalam surat pekeliling yang mesti termasuk maklumat yang ditetapkan di bawah Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

Ilustrasi 1:**Fakta:**

Penerbit tersenarai, Z Bhd mula menjalankan perniagaan dengan pihak yang tidak berkaitan, Encik B pada tahun 2002. Transaksi yang dibuat antara Z Bhd dengan Encik B pada tahun tersebut adalah seperti yang berikut:

Transaksi	Tarikh Transaksi	Nisbah Peratusan Yang Berkenaan
Transaksi 1	Januari 2002	1%
Transaksi 2	Februari 2002	4%
Transaksi 3	Awal Mac 2002	1%
Transaksi 4	Akhir Mac 2002	5%
Transaksi 5	April 2002	6%
Transaksi 6	November 2002	10%

Berdasarkan fakta di atas, pemakaian prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam sub-perenggan (a) dan (b) di atas adalah seperti yang berikut:

- (i) Transaksi 2 diagregatkan dengan Transaksi 1 untuk menentukan obligasi yang terpakai. Oleh sebab nisbah peratusan agregat Transaksi 1 dan 2 ialah 5%, Transaksi 2 mestilah diumumkan menurut perenggan 10.06 Kehendak-Kehendak Penyenaraian. Pengumuman itu mesti termasuk maklumat mengenai Transaksi 1 yang mesti termasuk maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran 10A Kehendak-Kehendak Penyenaraian;
- (ii) Transaksi 1 dan 2 diagregatkan dengan Transaksi 3 untuk menentukan obligasi yang terpakai. Walau bagaimanapun bagi maksud menentukan sama ada pengumuman dikehendaki, Transaksi 1 dan 2 dikecualikan daripada diagregatkan dengan Transaksi 3 memandangkan transaksi-transaksi itu telah diumumkan. Oleh sebab nisbah peratusan Transaksi 3 hanya 1%, pengumuman tidak dikehendaki. Oleh sebab nisbah peratusan agregat bagi Transaksi 1 hingga 3 ialah 6%, tiada obligasi lain dicetuskan;
- (iii) Transaksi 4 diagregatkan dengan Transaksi 1 hingga 3 untuk menentukan obligasi yang terpakai. Walau bagaimanapun bagi maksud menentukan sama ada pengumuman dikehendaki, Transaksi 1 dan 2 dikecualikan daripada diagregatkan dengan Transaksi 4 memandangkan transaksi-transaksi itu telah diumumkan. Oleh sebab nisbah peratusan bagi Transaksi 3 dan 4 ialah 6%, pengumuman dikehendaki. Pengumuman itu mesti termasuk maklumat mengenai Transaksi 3 yang mesti termasuk maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran 10A Kehendak-Kehendak Penyenaraian. Oleh sebab nisbah peratusan agregat bagi Transaksi 1 hingga 4 ialah 11%, tiada obligasi lain dicetuskan;

- (iv) Transaksi 5 diagregatkan dengan Transaksi 1 hingga 4 untuk menentukan obligasi yang terpakai. Walau bagaimanapun bagi maksud menentukan sama ada pengumuman dikehendaki, Transaksi 1 hingga 4 dikecualikan daripada diagregatkan dengan Transaksi 5 memandangkan transaksi-transaksi itu semua telah diumumkan. Oleh sebab nisbah peratusan bagi Transaksi 5 ialah 6%, Transaksi 5 itu sendiri dikehendaki diumumkan; dan
- (v) Transaksi 6 diagregatkan dengan Transaksi 1 hingga 5 untuk menentukan obligasi yang terpakai. Walau bagaimanapun bagi maksud menentukan sama ada pengumuman dikehendaki, Transaksi 1 hingga 5 dikecualikan daripada diagregatkan dengan Transaksi 6 memandangkan transaksi-transaksi itu semua telah diumumkan. Oleh sebab nisbah peratusan bagi Transaksi 6 ialah 10%, Transaksi 6 itu sendiri dikehendaki diumumkan. Oleh sebab nisbah peratusan agregat bagi Transaksi 1 hingga 6 ialah 27%, kelulusan pemegang syer dikehendaki berkenaan dengan transaksi terkini, iaitu Transaksi 6. Dalam hal ini, maklumat mengenai Transaksi 1, 2, 3, 4 dan 5 mesti dimasukkan dalam surat pekelling yang dikeluarkan yang mesti termasuk maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran 10B Kehendak-Kehendak Penyenaiaan.

Ilustrasi 2:**Fakta:**

Sebagai tambahan kepada fakta yang dinyatakan dalam Ilustrasi 1, Z Bhd membuat Transaksi 7 dengan Encik B pada bulan Disember 2002. Dalam hal ini, kelulusan pemegang syer telah diminta bagi Transaksi 6 pada bulan November 2002.

Berdasarkan fakta di atas, dan pemakaian prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam sub-perenggan (a) di atas, Transaksi 1 hingga 6 dikecualikan daripada diagregatkan dengan Transaksi 7 bagi maksud menentukan sama ada obligasi dicetus kerana semua transaksi itu telah diumumkan dan kelulusan pemegang syer telah diperoleh bagi Transaksi 6 berdasarkan pengagregatan dengan Transaksi 1 hingga 5.

Ilustrasi 3:**Fakta:**

Penerbit tersenarai A Bhd membuat transaksi yang berikut dengan pihak yang berkaitan, Puan Y dalam tahun 2002:

Transaksi	Tarikh Transaksi	Nisbah Peratusan Yang Berkenaan
Transaksi 1	Februari 2002	3%
Transaksi 2	April 2002	2%

Nota Amalan 14
Prinsip Pengagregatan bagi Transaksi

Berdasarkan maklumat di atas dan menggunakan prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam sub-perenggan (a) dan (b), Transaksi 2 diagregatkan dengan Transaksi 1 dengan itu menghendaki Transaksi 2 mematuhi perenggan 10.08(2) Kehendak-Kehendak Penyenaraian. Dalam hal ini, maklumat mengenai Transaksi 1 hendaklah dimasukkan dalam surat pekeliling yang dikeluarkan yang mesti termasuk maklumat yang ditetapkan di bawah Lampiran 10B dan Bahagian A Lampiran 10D Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

Transaksi	Tarikh Transaksi	Nisbah Peratusan Yang Berkenaan
Transaksi 3	Oktober 2002	3%

Dalam hal ini, pihak-pihak selanjutnya telah membuat Transaksi 3 pada bulan Oktober 2002. Transaksi 3 tidak diagregatkan dengan Transaksi 1 dan 2 memandangkan kelulusan pemegang syer bagi Transaksi 2 telah diperoleh berdasarkan pengagregatan dengan Transaksi 1. Transaksi 3 itu sendiri mesti diumumkan menurut perenggan 10.08(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian.